

Penduduk turut persoal pampasan yang belum dibayar

Projek jadi igauan buruk

anda SMS
kami siasat


SEPAANG - Projek pembesaran dan meluruskan Sungai Jenderam Hulu yang dijangka dapat menyelesaikan masalah banjir, bertukar menjadi igauan buruk bagi penduduk Kampung Jenderam Hilir, Dengkil di sini.

Ekoran penangguhan kerja-kerja itu, penduduk kampung terutamanya di Jalan Datuk Dagang Ali kini dihantui masalah hakisan sungai yang teruk sehingga menghentam tebing di sepanjang laluan.

Projek itu yang bermula pada 2003 dan dijangka siap setahun selepas itu hanya meliputi sebahagian sahaja laluan sungai iaitu di hulu dan hilir sungai tersebut.

Mungkin ia kedengaran pelik, tetapi bahagian tengah aliran sungai itu masih tidak lagi dibesar dan diluruskan ekoran masalah pampasan yang tidak diberikan.

"Sebahagian tanah-tanah kami terpaksa diambil untuk melancarkan projek itu dan pihak terbabit berjanji memberi pampasan, tetapi sehing-



ZAINAL ABIDIN

ga sekarang tiada lagi pembayaran dibuat," dakwa seorang penduduk, Zainal Abidin Moin, 26.

Tinjauan *KOSMO!* mendapati, hakisan sungai tersebut sudah menghakis kira-kira 10 meter tebing tanah di situ, malah semakin menghampiri lima buah penempatan keluarga.

Seorang penduduk, Jamaliah Abdul Mutalib, 49, berkata, perkara yang sudah tangguh selama dua tahun itu menyebabkan penduduk mula bertambah bimbang melihat hakisan sungai itu saban hari.

"Tebing yang kuat perlu dibuat seperti yang dirancang



JAMALIAH

oleh pihak terbabit bagi menghalang hakisan itu daripada terus terjadi," ujarnya.

Sementara itu, Dollah Ali, 70, pula memberitahu, musim hujan sejak kebelakangan ini turut menyebabkan hakisan sungai itu semakin menjadi-jadi.

"Pelik tengok mereka masih boleh lagi berdiam diri melihat kejadian ini. Takut nanti, rumah terhumban ke dalam sungai, baru mereka mahu ambil tindakan," katanya.

Bagi Abdul Halim Abu Bakar, 38, pula, kegagalan pihak terbabit dalam menangani masalah itu dikatakan hanya berpunca masalah pembaya-



HAKISAN tebing sungai di Kampung Jenderam Hilir, Dengkil semakin teruk sehingga mengancam penduduk.

ran pampasan.

Menurutnya, ada kontraktor yang membawa mesin dan jentera untuk memulakan kerja, tetapi penyelesaian masalah pampasan itu masih ti-

dak dapat diuruskan.

"Mereka bertindak sesuka hati tanpa persetujuan kami. Ibarat masuk kawasan orang tanpa kebenaran," ujarnya.

KOSMO! difahamkan, pro-

jek tersebut adalah di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Sepang.

Bagaimanapun, jurucakapnya yang dihubungi enggan memberi sebarang ulasan.